



LAPORAN PROGRAM

JABATAN METEOROLOGI MALAYSIA KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

SAMBUTAN HARI METEOROLOGI SEDUNIA 2018 DAN PELANCARAN RakanMET

KOTA KINABALU, 23 MAC 2018 – Jabatan Meteorologi Malaysia (MMD) telah menganjurkan Sambutan Hari Meteorologi Sedunia 2018 dan Pelancaran RakanMET bertempat di Pusat Operasi Cuaca dan Gempa Bumi Sabah, Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu. Program ini telah disempurnakan oleh YB Datuk Seri Panglima Wilfred Madius Tangau, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI). Hari Meteorologi Sedunia disambut pada 23 Mac setiap tahun oleh seluruh komuniti meteorologi di 191 buah negara anggota Pertubuhan Meteorologi Sedunia (*World Meteorological Organisation* - WMO), termasuk Malaysia. Tema Sambutan Hari Meteorologi Sedunia pada tahun ini ialah “Siap siaga-cuaca, pintar-iklim” atau “*Weather-ready, climate-smart*”.

Menyentuh mengenai pemilihan tema tahun ini, YB Datuk Seri Panglima Wilfred Madius Tangau dalam ucapan perasmianya menekankan kepentingan pengetahuan dan kefahaman masyarakat mengenai cuaca dan iklim dalam memastikan mereka sentiasa bersiap sedia menghadapi sebarang bencana atau ancaman dari perubahan cuaca dan iklim.

Menurut YB Datuk Seri Panglima lagi, kerajaan telah melaksanakan beberapa projek untuk memperkasakan sistem amaran awal cuaca MMD yang merangkumi model tinjauan cuaca dan sistem penyediaan maklumat cuaca dalam memantapkan kesiapsiagaan negara menghadapi cuaca ekstrem.

Selain itu, YB Datuk Seri Panglima turut mengumumkan inisiatif strategik kerajaan kepada teknologis dan juruteknik dalam bidang Sains Atmosfera sebagai pengiktirafan profesional melalui pewujudan bidang teknologi tersebut oleh Lembaga Teknologis Malaysia (MBOT). Pengiktirafan Teknologis Profesional (Ts.) dan Juruteknik Bertauliah (Tc.) dalam bidang Sains Atmosfera ini adalah setaraf dengan profesion teknikal lain dalam negara dan terbuka kepada pakar-pakar teknologi berkaitan termasuklah pakar meteorologi khususnya di MMD. Beliau menyeru kepada semua Pegawai dan Penolong Pegawai Meteorologi untuk berdaftar dan mengawal selia profesion teknologis dan juruteknik dalam bidang Sains Atmosfera bersama MBOT.

Dalam majlis yang sama, beliau turut melancarkan aplikasi RakanMET, satu inisiatif MOSTI melalui MMD dalam memperkasakan sistem penyampaian maklumat yang membolehkan orang ramai melaporkan kejadian dan fenomena cuaca di kawasan mereka dengan menggunakan telefon bimbit. RakanMET adalah aplikasi kedua yang telah dibangunkan oleh MMD selepas myCuaca yang telah dilancarkan pada tahun 2015.

Dalam pada itu, YB Datuk Seri Panglima turut menyaksikan Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) antara MMD dan Universiti Putra Malaysia (UPM) yang bertujuan untuk meningkatkan hubungan kerjasama antara kedua-dua pihak dalam bidang meteorologi, iklim dan geofizik. Semasa majlis tersebut, MMD telah diwakili oleh YBrs. Encik Alui Bin Bahari, Ketua Pengarah MMD, manakala UPM telah diwakili oleh YBhg. Prof. Datin Paduka Dato' Dr. Aini Ideris, Naib Canselor UPM.

Sempena dengan sambutan Hari Meteorologi Sedunia pada tahun ini, MMD telah mengadakan Hari Terbuka di di Pusat Operasi Cuaca dan Gempa Bumi Sabah dan juga Ibu Pejabat Petaling Jaya. Tujuan Hari Terbuka ini diadakan adalah memberikan peluang kepada orang ramai untuk melihat dan memahami dengan lebih dekat mengenai peranan dan fungsi MMD dalam perkhidmatan cuaca, iklim dan geofizik serta mewujudkan hubungan mesra antara jabatan dan masyarakat. Pelbagai aktiviti disediakan kepada para pengunjung seperti pertandingan penyampai cuaca dan mewarna, *photo booth*, *creative corner*, permainan Dam Meteorologi, pendaftaran RakanMET, ceramah kerjaya serta aktiviti jualan dan pameran. Kira-kira 500 pengunjung telah hadir di kedua-dua tempat sambutan diadakan yang terdiri daripada kakitangan agensi kerajaan dan swasta, penuntut institut pengajian tinggi serta pelajar sekolah.

**Jabatan Meteorologi Malaysia
Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi
26 Mac 2018**

GALERI GAMBAR: MAJLIS PERASMIAN SAMBUTAN HARI METEOROLOGI SEDUNIA 2018 DAN PELANCARAN RakanMET



Ucapan perasmian oleh YB Datuk Seri Panglima Wilfred Madius Tangau, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi



YBrs. Encik Alui bin Bahari, Ketua Pengarah Jabatan Meteorologi Malaysia semasa menyampaikan ucapan alu-aluan



Gimik perasmian Sambutan Hari Meteorologi Sedunia 2018 dan Pelancaran RakanMET



Majlis Menandatangani MoU antara Jabatan Meteorologi Malaysia dan Universiti Putra Malaysia



Sesi pertukaran dokumen MoU



Sesi sidang media

**GALERI GAMBAR: HARI TERBUKA PUSAT OPERASI CUACA DAN GEMPA
BUMI SABAH**



Ketibaan para pengunjung



Pendaftaran RakanMET



Pertandingan mewarna



Pertandingan Penyampai Cuaca



Taklimat mengenai peranan Jabatan Meteorologi Malaysia kepada para pengunjung



Ceramah kerjaya sebagai Pegawai Meteorologi dan Penolong Pegawai Meteorologi kepada para penuntut institut pengajian tinggi



Para pengunjung beratur untuk menyertai aktiviti *photo booth*



Sesi penyampaian hadiah kepada para pemenang pertandingan Penyampai Cuaca dan mewarna



YB Datuk Seri Panglima Menteri MOSTI bergambar bersama YBrs. Encik Alui Bin Bahari, YBrs. Encik Azemi Daud, YBrs. Prof. Madya Dr. Ramzah Dambul dan YBrs. Encik Suhaimi bin Hamzah di Pusat Operasi Cuaca dan Gempa Bumi Sabah



YB Datuk Seri Panglima Menteri MOSTI berswafoto bersama YBhg. Prof. Datin Paduka Dato' Dr. Aini Ideris, YBrs. Prof. Madya Dr. Ramzah Dambul, YBrs. Encik Alui Bin Bahari dan para pengunjung

**GALERI GAMBAR: HARI TERBUKA IBU PEJABAT JABATAN METEOROLOGI
MALAYSIA, PETALING JAYA**



Pendaftaran RakanMET



Permainan Dam Meteorologi



Pertandingan mewarna



Para pemenang pertandingan mewarna



Para pengunjung diberikan penerangan mengenai pemantauan cuaca semasa melawat Pusat Operasi Cuaca dan Geofizik Nasional



Penerangan mengenai pemantauan gempa bumi dan tsunami kepada para pengunjung di Pusat Operasi Cuaca dan Geofizik Nasional



Aktiviti pameran dan taklimat kepada pengunjung di Bahagian Teknikal Cuaca dan Geofizik, Bahagian Sains Atmosfera dan Pembentukan Awan, Bahagian Radar dan Satelit Meteorologi serta Bahagian Instrumentasi Meteorologi